



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



Ekspedisi cabaran saintis Malaysia

BENUA Antartika adalah salah satu lokasi penuh misteri yang menjadi rebutan kuasa dunia termasuk pengkaji dari negara maju untuk menjadikannya sebagai sebuah lapangan kajian sains.

Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menjadi salah sebuah negara pengkaji utama di benua tersebut sejak kali pertama ekspedisi saintifik dan penyelidikan sains kutub itu yang merupakan kesinambungan daripada penglibatan saintis tempatan sejak tahun 1999 lagi.

Sebagai sebuah negara yang bergiat aktif dalam penyelidikan Antartika, penyertaan Malaysia dalam Sistem Tritis Antartika (ATS) pada 31 Ogos 2011 merupakan satu langkah untuk terus menggalakkan minat Malaysia dalam kemajuan sains di kawasan kutub.

Seterusnya, bagi mencapai status sebagai Pihak Perunding ATS, Malaysia perlu membuktikan komitmen dengan menjalankan kajian saintifik di Antartika secara aktif serta berterusan dan ini telah ditunjukkan menerusi penglibatan

saintis Malaysia selama ini.

Penyertaan Malaysia dalam ATS membolehkan penyelidik Malaysia memperhebat penglibatan mereka dalam bidang penyelidikan kutub dan bersama-sama dengan komuniti saintifik antarabangsa untuk menyumbang pengetahuan baharu dan meluaskan ilmu dalam bidang penyelidikan berkenaan.

Mengenai ekspedisi terkini itu, ketua ekspedisi yang juga pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM, **Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh** berkata, kapal layar Australia yang disewa khas daripada sebuah syarikat yang berpangkalan di Australia digunakan sepanjang 22 hari pelayaran itu.

"Kapal layar digunakan dalam ekspedisi ini kerana ia lebih relevan dalam melakukan aktiviti persampelan selain lebih mudah untuk mengakses kawasan tertentu yang terlibat dalam kajian saintifik masing-masing.

"Tiga orang anak kapal turut disediakan bagi membantu kumpulan kami sepanjang ekspedisi ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang baru-baru ini.

Menurutnya, antara cabaran utama yang akan dilalui sepanjang pelayaran itu adalah keadaan cuaca yang tidak menentu kerana boleh berubah secara mendadak sehingga mampu mencecah negatif lima hingga negatif 24 Celsius walaupun telah memasuki musim panas.

"Oleh itu pasukan kami telah membuat persediaan awal dengan membuat perancangan rapi sejak tahun 2014.

"Disebabkan penyelidikan dilakukan seratus peratus di atas kapal layar, maka persediaan dari segi mental, fizikal, kecergasan, kelengkapan peralatan kajian, aspek keselamatan, pemakanan

dan sebagainya sangat dititikberatkan," jelasnya.

Tambah Mohamad Huzaimy, apa yang diharapkan daripada ekspedisi tersebut adalah penyelidikan mereka dapat memberi impak dalam pelbagai bidang kajian sains untuk masa hadapan.

"Kami juga mahu berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman selain membawa nama negara ke dalam dunia sains seterusnya membawa hasil penyelidikan negara ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPASM, **Datuk Madius Tangau** berkata, program yang dijalankan itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan bagi memastikan kehadiran Malaysia di benua ais itu terus mampan.

"Kita sedia maklum bahawa kesan perubahan iklim dan pemanasan global tidak lagi boleh dipandang ringan kerana kesannya adalah sangat nyata dan rakyat Malaysia tidak terkecuali menerima akibatnya.

"Dari aspek ini, wilayah polar (kutub) iaitu Antartik dan Artik merupakan kawasan yang amat sesuai untuk pemantauan perubahan iklim kerana kadar pemanasan di wilayah ini lebih tinggi dari kawasan lain di dunia.

"Melalui ekspedisi ini, kita telah menerima petunjuk bahawa penyelidikan saintifik di Antartika berupaya menghasilkan penemuan-penemuan terkini ilmu sains yang berpotensi membawa kebaikan kepada alam sekitar dan manusia sejagat.

"Diharapkan kajian daripada penyelidik-penyelidik ini akan dapat menghasilkan ilmu dan pengetahuan baharu bagi membantu masyarakat tempatan dan antarabangsa untuk lebih memahami fenomena perubahan iklim," katanya.



DR. MOHAMAD HUZAIMY JOSOH



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

